



PARA penaja yang mengambil bahagian pada The Face Healthy Beauty bergambar selepas majlis pelancaran pertandingan itu di Kuala Lumpur baru-baru ini.

# Guardian mencari wajah *The Face of Health Beauty*

Terbuka kepada wanita Malaysia yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki

KEPADA wanita yang mempunyai personaliti menarik dan pada masa sama menjalani gaya hidup sihat, anda dipelawa untuk menyertai pencarian *The Face of Healthy Beauty* yang dianjurkan oleh Guardian Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Asia Tenggara, Guardian Health and Beauty Sdn Bhd, Saren Lauridsen berkata, pencarian *The Face of Healthy Beauty* sebenarnya bukan satu pertandingan kecantikan.

"Definisi *Healthy Beauty* merujuk kepada wanita yang benar-benar sikap positif, memberi keutamaan kepada kesihatan dan juga kecantikan diri.

"Bagi kami, kecantikan sebenar datang daripada jasmani dan mental sihat. Ia selari dengan misi Guardian untuk memberi inspirasi kepada para pelanggan untuk menikmati kehidupan yang sihat dan indah," katanya pada majlis pelancaran *The Face of Healthy Beauty* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ujar Saren, 100 peserta akhir yang terpilih akan tersenarai untuk bertanding pada peringkat separuh

## ANEKDOT

### Syarat penyertaan:

- Terbuka kepada semua wanita Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.
- Peserta perlu memuat naik satu video berdurasi 30 saat dan menyatakan 'mengapa mereka ingin menjadi The Face of Healthy Beauty?'
- Satu gambar penuh dan satu gambar berukuran pasport.
- Penyertaan boleh dihantar bermula 20 Mei sehingga 12 Jun 2019.
- Penyertaan dihantar secara online ke <https://theface.guardian.com.my>

akhir di Johor Bharu City Square, Johor; Gurney Plaza Penang, Pulau Pinang; Central I-City Mall Shah Alam, Selangor dan 1 Borneo Hypermall Kota Kinabalu, Sabah.

Empat peserta yang layak ke separuh akhir dari setiap rantau akan bertanding pada pertandingan akhir yang akan berlangsung di Shah Alam pada 27 Julai depan.

Selain itu, terdapat juga beberapa kategori lain yang dipertandingkan mengikut penaja tertentu iaitu:

- 1) Kategori Paling Sihat (Blackmores)
- 2) Paling Elegan (Bio-essence)
- 3) Paling Kelihatan Muda (Garnier)
- 4) Paling Menawan (L'Oreal)
- 5) Paling Bersemangat (Maybelline)
- 6) Paling Ceria (Safi)
- 7) Paling Menawan (TRESemme).

Jelas beliau lagi, pemenang akan menandatangani kontrak satu tahun sebagai duta Guardian, wang tunai RM10,000, bawcar Guardian RM10,000 dan RM5,000 setiap seorang untuk disumbangkan kepada organisasi kebajikan pilihan mereka.



PENGARAH Pemasaran, Asia Tenggara Guardian Health And Beauty Sdn Bhd, Dy Cho dan Soren ketika melancarkan pertandingan pencarian wajah Guardian baru-baru ini.